

11/09/1998

Hari Terbuka Westport 18 September

KLANG, Khamis - Lembaga Pelabuhan Klang akan menganjurkan Hari Terbuka Westport pada 18 September ini dalam usaha menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menggunakan kemudahan di pelabuhan utama negara itu.

Hari Terbuka Westport yang dijangka dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik itu akan dibuka kepada orang ramai daripada jam 11 pagi hingga jam 6 petang.

Pengerusi Eksekutif Westport, Datuk G Gnanalingam, berkata orang ramai patut mengambil peluang melawat pelabuhan itu dan melihat sendiri suasana persekitaran pelabuhan yang dikenali sebagai 'Pelabuhan Taman' dan menyaksikan pembangunan pesat yang berlangsung di situ dalam tempoh empat tahun.

Westport yang terletak di Pulau Indah adalah pelabuhan beroperasi di Pelabuhan Klang.

Pelabuhan itu memulakan operasi pada 1994 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 10 September 1996.

Sejak itu, Westport sering menerima kunjungan pelawat dalam dan luar negara, termasuk pemimpin politik, ahli perniagaan, kumpulan dagangan dan pelajar.

Gnanalingam berkata, Westport adalah pelabuhan unik kerana reka bentuk sekitarnya dihiasi taman bunga bagi menggambarkan suasana yang tenang dan selesa.

(END)